

08 MAR 1997

Anwar-Saleh

SALEH SULONG MAMPU TADBIR DRB, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata beliau yakin pengerusi kumpulan DRB-Hicom yang baru Datuk Saleh Sulong mampu mengendalikan segala urusan syarikat-syarikat di bawahnya dengan memuaskan.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata tidak akan berlaku sebarang perubahan daripada segi ekuiti kerajaan dalam syarikat-syarikat yang diketuai Saleh.

Beliau berkata Saleh mempunyai pengalaman dan hubungan yang baik dengan Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad dan ini akan membolehkan beliau mentadbir syarikat-syarikat di bawahnya dengan berjaya.

"Saya fikir dia dapat mengendalikan (DRB-Hicom) dengan memuaskan," katanya kepada pemberita selepas membuat kunjungan hormat pada Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela di sini.

Saleh dilantik Khamis lepas bagi menggantikan Yahaya yang terbunuh dalam nahas udara dekat Kuala Lipis, Isnin lalu.

Selain itu, Saleh juga dilantik sebagai pengerusi Gadek (Malaysia) Berhad, Gadek Capital Bhd, Kedah Cement Holdings Bhd, Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) dan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) bagi menggantikan Yahaya.

Mengenai ekuiti kerajaan yang dipegang dalam syarikat-syarikat itu melalui Menteri Kewangan Diperbadankan seperti dalam Hicom Holdings Berhad, Anwar berkata Perdana Menteri telah menjelaskan kepada Saleh dalam pertemuan mereka bahawa tiada perubahan dalam struktur yang sedia ada.

Khamis lepas, Saleh memberitahu persidangan berita bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan perlantikan beliau sebagai pengerusi dan presiden kepada pemilik saham khas iaitu kerajaan dalam Hicom.

Menteri Kewangan Diperbadankan memegang saham pemutus iaitu satu saham dalam Hicom di mana kerajaan boleh mengundi atau membuat keputusan jika terdapat sebarang kebuntuan dalam membuat sesuatu keputusan mengenai syarikat itu.

Saleh juga dilaporkan berkata bahawa Dr Mahathir telah mempersetujui perlantikan beliau sebagai pengerusi kumpulan DRB dan syarikat-syarikat lain yang diketuai Yahaya.

Anwar juga berkata beliau telah menjelaskan kepada Saleh bahawa kerajaan akan terus memberi sokongan untuk memastikan kejayaan syarikat-syarikat berkenaan.

Anwar berkata oleh kerana kerajaan mempunyai kepentingan dalam Hicom, ia akan memberi serta menentukan bantuan yang diperlukan oleh syarikat itu.

"Bagi syarikat-syarikat lain, yang mana kita patut bantu, kita akan bantu," kata beliau.

Anwar juga berkata beliau dan Saleh telah menetapkan perkara-perkara yang perlu diberikan keutamaan dalam mengendalikan pengurusan syarikat-syarikat itu.

Saleh, yang mempunyai kepentingan tidak langsung dalam DRB, terutama menerusi Gemilang Nominees Sdn Berhad, merupakan rakan sekutu Yahaya selama lebih 18 tahun.

Yahaya yang memulakan kumpulan Master Carriage dengan Saleh dan beberapa rakan karib, mempunyai kepentingan dalam 14 syarikat yang disenaraikan, 12 di Bursa Saham Kuala Lumpur dan dua di Singapura. Nilai saham dalam syarikat-syarikat itu adalah kira-kira RM5.8 bilion.

Mengenai perbincangannya dengan Mandela, Anwar berkata ia adalah

susunan daripada perbincangan antara Presiden Afrika Selatan itu dengan Dr Mahathir semalam. -- BERNAMA
ES AKD